



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 APRIL 2017 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                |    |
|--------------------------------|----|
| - SK Hulu Kelang banjir lagi   | 42 |
| - MPAJ arah pemaju henti kerja | 42 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 APRIL 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	SK Hulu Kelang banjir lagi
Muka Surat	42

## SK Hulu Kelang banjir lagi

SH 21/4/2017  
m1542

**AMPANG** - Sekolah Kebangsaan Hulu Kelang serta kawasan perumahan berhampirannya di sini sekali lagi dilanda banjir kilat, petang semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Mohd Sani Harul berkata, kejadian berpunca daripada hujan lebat kira-kira jam 3.30 petang di kawasan terbabit dan menyebabkan air Sungai Kelang melimpah.

"Air sungai deras melimpah dari

Jalan Penghulu ke kawasan sekolah berkenaan menyebabkan sekolah itu dinaiki air setinggi 0.3 meter hingga 0.5 meter.

"Punca banjir di kawasan itu dipercayai dari sungai Gisir yang mengalir sangat deras ke Sungai Kelang dan menyebabkan air Sungai Kelang melimpah," katanya.

Mohd Sani berkata, kejadian itu turut mengakibatkan lebih lapan rumah berhampiran sekolah itu turut dinaiki air.



Hujan lebat menyebabkan banjir kilat dan beberapa rumah dinaiki air.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 APRIL 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ arah pemaju henti kerja
Muka Surat	42

## MPAJ arah pemaju henti kerja

SH MIS 42  
21/4/2017

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengeluarkan arahan kepada pemaju sebuah projek perumahan supaya menghentikan kerja di tapak pembinaan sehingga kerja pembaikan semula pencegahan banjir siap dilaksanakan.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya mengeluarkan arahan itu semalam, susulan kejadian banjir lumpur yang berlaku di Kampung Dato Mufti Shuib dipercayai akibat pembangunan projek perumahan berkenaan.

"Kita sudah menghubungi pemaju supaya mereka melaksanakan kerja pembersihan lumpur sehingga selesai dan pemaju juga diminta untuk melaksanakan serta merta kerja membaiki kerosakan pada benteng tanah yang terhakis di tapak itu pada malam kejadian.

"Kita mendapati punca kejadian adalah disebabkan air tidak melalui longkang tanah yang telah disediakan menuju ke kolam perangkap lumpur," katanya.

Beliau berkata, pihak pe-

runding pemaju juga telah diarahkan untuk mengemukakan laporan kejadian dan langkah mitigasi banjir supaya kejadian sama tidak berulang hingga merugikan banyak pihak.

"Sekiranya terdapat unsur-unsur kegagalan pihak pemaju dalam mengawal banjir lumpur ini maka kompaun akan dikenakan kepada mereka," katanya.

Kelmarin, lima buah rumah dan sebuah kedai dinaiki air setinggi kira-kira 300 hingga 600 millimeter dalam kejadian hujan lebat kira-kira jam 5 petang.